

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 421 Pengurusan Pendidikan

Masa : [3 jam]

-----  
Jawab EMPAT soalan sahaja. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Sejauh manakah birokrasi ala Max Weber dapat dipraktikkan di sekolah-sekolah Malaysia?
2. Apakah yang anda faham dengan proses pengurusan? Beri huraian ringkas mengenai elemen-elemen yang terkandung di dalamnya.
3. "Komunikasi adalah satu aspek penting yang harus dikuasai oleh setiap pemimpin." Berdasarkan kepada kenyataan di atas, beri alasan-alasan mengapa kemahiran berkomunikasi itu penting kepada pengurus dan nyatakan halangan-halangan yang sering ditempuhinya.
4. Huraikan mengapakah kepimpinan yang bercorak demokrasi itu dikatakan lebih sesuai untuk mengurus sekolah?
5. Bagaimanakah sekolah-sekolah kita mendapat sumber kewangannya? Terangkan juga cara serta peraturan bagaimana ianya boleh dibelanjakan.
6. Jika anda ditugaskan sebagai guru bertanggungjawab untuk penyelenggaraan peralatan sekolah, terangkan bagaimana anda hendak melaksanakan tugas itu dari mula anda membuat pesanan peralatan hingga kepada hapuskira. Cara penyelenggaraan stok dan stor ini hendaklah selaraskan dengan Arahan Perbendaharaan.

- oooOooo -

